



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

*Ministry of Education Malaysia*

**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

*Sports, Co-curricular and Arts Division*

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 88841002/88841333  
Faks : +603 88841034/88886790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

---

Rujukan Kami: KPM.600-5/5/1 Jld. 3 (26)

Tarikh: 26 Julai 2021

Semua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN SUKAN MAJLIS SUKAN SEKOLAH MALAYSIA SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelaksanaan Pertandingan Kemahiran Sukan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) Secara Dalam Talian tahun 2021 telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MSSM Bil. 1/2021 bertarikh 15 Julai 2021 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datin Sri Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memastikan murid kekal aktif dalam melaksanakan aktiviti sukan dan memberi platform kepada mereka untuk bertanding di peringkat daerah, negeri serta kebangsaan meskipun negara sedang dilanda pandemik COVID-19 pada ketika ini.

3. Bagi memastikan pertandingan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, kerjasama pihak jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah adalah dimohon untuk membuat persediaan dan melaksanakan pertandingan seperti ketetapan berikut:

**Peringkat Sekolah**

**Tarikh : 1 hingga 14 Ogos 2021**

**Tempat : Di kediaman masing-masing atau tempat bersesuaian**

**Peringkat Daerah**

**Tarikh : 22 Ogos hingga 4 September 2021**

**Tempat : Di kediaman masing-masing atau tempat bersesuaian**

**Peringkat Negeri**

**Tarikh : 12 hingga 25 September 2021**

**Tempat : Di kediaman masing-masing atau tempat bersesuaian**

**Peringkat Kebangsaan**

**Tarikh : 3 hingga 16 Oktober 2021**

**Tempat : Di kediaman masing-masing atau tempat bersesuaian**

...2/-

4. Jasa baik pihak YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan juga adalah dimohon untuk membuat hebahan kepada sekolah di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan berhubung pelaksanaan pertandingan ini bagi memastikan semua murid berpeluang untuk menyertai dan secara tidak langsung menyemarakkan sukan bermula di peringkat akar umbi.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Siti Zuraida binti Hashim di talian 03-88841172 atau emel ke siti.zuraida@moe.gov.my.


Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HJ. RAZUKI BIN A. RAHIM)**

b.p. Pengarah

Timbalan Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Timbalan Pengarah  
Sektor Pembangunan Murid
  2. Ketua Penolong Pengarah  
Unit Pembangunan Bakat Murid

*Desktop/MyDocuments/MSSM*